

PR1MA, SILA KEMUKAKAN BUKTI!

Oleh Norhayati Umor (Selangorkini)

SHAH ALAM, 18 OGOS : Perumahan Rakyat 1 Malaysia (PR1MA) digesa mengemukakan bukti jika mahu mendakwa projek-projek mereka di Selangor tertangguh akibat premium tanah yang tinggi atau akibat karenah birokrasi di kalangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).


Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Dato' Iskandar Abdul Samad, mahu PR1MA mengemukakan senarai projek mereka yang tertangguh akibat dari masalah-masalah tersebut.

"Saya minta PR1MA menamakan kes-kes spesifik yang tertangguh akibat premium atau birokrasi PBT.

"Sila nyatakan berapa banyak permohonan Kebenaran Merancang (KM) yang dikemukakan tetapi masih belum mendapat kelulusan," katanya kepada SelangorKini baru-baru ini.

Iskandar berkata Kerajaan Negeri bersedia mengadakan perbincangan dengan PR1MA untuk membina kediaman untuk rakyat berpendapatan rendah dan sederhana.

Tambah beliau lagi, beliau bukan seperti



Menteri Persekutuan bertanggungjawab ke atas perumahan yang seolah-olah mahu "berperang" dengan Kerajaan Negeri. Tetapi beliau sebagai Exco Kerajaan Negeri merasakan perlu ada kerjasama di antara Persekutuan dan Negeri dalam isu-isu yang melibatkan kepentingan rakyat.

Iskandar juga turut menegur PR1MA kerana belum lagi mengotakan janji untuk memajukan tapak stesyen LRT Pandan Jaya, Pandan Indah dan Chempaka yang telah dirancang sejak 2 tahun yang lalu. Beliau telah bermesyuarat dengan PR1MA sebanyak 2 kali tentang projek tersebut.

Katanya juga, menurut laporan terkini PR1MA masih belum mengemukakan permohonan KM kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) untuk projek-projek itu.

"Kali terakhir saya berjumpa dengan PR1MA adalah pada bulan Mei lepas, namun sehingga hari ini mereka belum lagi memohon KM," Iskandar memberitahu.

Beliau berkata, PR1MA juga sebelum ini bersetuju membina 500 unit rumah dengan harga RM42,000 hingga RM250,000 di situ dan walaupun 500 unit bukan jumlah besar tetapi ia amat diperlukan.

Pada bulan Jun lalu, Kerajaan Negeri Selangor bersetuju PR1MA boleh mengambil alih projek Rumah Selangorku yang diluluskan untuk pemaju swasta agar badan itu dapat mencapai sasaran mereka.

Projek tersebut adalah di Cyber 11, Cyberjaya membabitkan 1,932 unit Rumah Selangorku tetapi mematuhi beberapa syarat seperti dijenamakan semula sebagai Selangorku Prima.